

FORMAT LAPORAN

ANUGERAH GEOSPATIAL KEBANGSAAN (NGA) 2025

1. Laporan boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;
2. Setiap laporan teknikal perlu mempunyai abstrak dan kata kunci (*keywords*);
3. Format-format lain adalah seperti berikut:
 - Jenis huruf (font) : Arial,
 - Saiz huruf bagi tajuk : 12
 - Saiz huruf : 10
 - Langkau (spacing) : Single
 - Margin : 2.5 cm untuk atas, bawah, kiri dan kanan
 - Justifikasi teks : Kiri
 - Lajur (column) : Satu lajur setiap muka surat
 - Bilangan muka surat : 5 hingga 6 muka surat termasuk rajah, jadual dan sebagainya;
4. Laporan hendaklah dimuat naik dalam bentuk pdf; dan
5. Isi kandungan laporan adalah seperti berikut:

Tajuk Artikel (Huruf Besar)

Nama Penulis, Organisasi / Jabatan

Abstrak

Ringkasan projek tidak melebihi 300 patah perkataan.

Kata Kunci

Contoh: geospacial, teknologi, kolaborasi, impak, kelestarian

A. Pengenalan

Bahagian pengenalan hendaklah menerangkan latar belakang projek, isu atau keperluan yang menjadi asas kepada pelaksanaan inisiatif, serta objektif utama yang ingin dicapai.

B. Inovasi / Idea

Elemen inovasi perlu diperincikan dengan menumpukan kepada aspek tahap keaslian idea, kreativiti penyelesaian, penggunaan teknologi atau aspek-aspek tambahan untuk mengukuhkan kekuatan inovasi dalam projek.

C. Impak

Impak projek perlu dihuraikan dari sudut skop dan saiz impak, relevansi kepada keperluan semasa, serta sumbangan praktikal kepada organisasi, sektor atau masyarakat umum.

D. Kelestarian

Aspek kelestarian yang perlu diberi perhatian termasuk potensi jangka panjang pelaksanaan, penjimatan dari segi

sumber dan kos, serta sokongan atau penjajaran projek kepada dasar pembangunan mampan negara.

E. Kolaborasi

Kerjasama yang diwujudkan perlu diterangkan dari segi bilangan dan jenis pihak yang terlibat, peranan dan sumbangan pihak-pihak berkaitan, sumber data yang digunakan serta kaedah perkongsian data yang dilaksanakan.

Penutup

Laporan boleh dirumuskan dengan menekankan pencapaian utama projek, cabaran pelaksanaan serta potensi perluasan atau penambahbaikan pada masa hadapan.